



**ALBUM** kenangan bersama selepas majlis itu.

# Pelajar UMS adakan program Pengurusan Organisasi Sukan

UB 13-12-2018 HIB

KOTA KINABALU: Pelajar Sains Sukan Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan program Pengurusan Organisasi Sukan dan Sumber Manusia yang dirasmikan oleh Setiausaha Sulit Ketua Menteri Sabah Francis Au Chee Thong.

Francis turut menjadi salah seorang penceramah jemputan program itu yang disertai lebih 170 orang dari pelbagai fakulti.

Turuthadirsebagai penceramah jemputan adalah Pengasas Juara gym Sabah Benreza Hezery Uzair Yahya dan Pensyarah Sains Sukan UMS Kolonel (Pa) Dr Mohamad Nizam Nazarudin.

Dalamceramahnya, Benrezamemintapara pelajar membantu usaha itu berbekalkan pengetahuan mereka dalam sains sukan bagi mutu sukan dan kesihatan dengan cara yang lebih baik.

Sementara Mohamad Nizam mengingatkan peserta supaya tidak menunggu peluang datang tetapi merekalah yang harus mewujudkan peluang itu.

“Ia kerana, dalam era masa kini, graduan universiti semakin sukar untuk mendapatkan pekerjaan. Maka para graduan harus bijak mencipta peluang sendiri agar dapat memajukan diri sendiri,” katanya.

Francis pula berkata untuk memastikan dapat menarik minat masyarakat di sekeliling, mereka harus bijak menganalisis, iaitu analisis SWOT, agar mereka dapat memahami dan mengetahui keperluan serta mengatasinya.

Program berkenaan banyak memberi imput yang baik kepada peserta terutamanya dalam pengurusan diri dan organisasi.